



Wacana Fikrah Trans-Nusantara: Mengimbangi Peranan Universiti antara Gedung Ilmu dan Gudang Pekerja adalah satu program Kerjasama antara Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dan Universitas Hasyim Asy'ari (Unhasy). Program ini diwujudkan adalah rentetan lawatan pihak Fakulti Pengurusan dan Perniagaan melawat Universitas Hasyim Asy'ari. Untuk program webinar ini melibatkan 4 orang Panel yang terdiri daripada Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Dr Noor Azam Abd Aziz, pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, serta Prof. Dr. H. Haris Supartno, Rektor Unhasy dan Dr. Hj Miftahurrohim Noyo Sarkun, wakil Rektor III. Bagi melancarkan majlis Tuan Haji Mustafa Kamal Mat selaku moderator sepanjang acara berlangsung.



Wacana akademik ini perlu diadakan bagi membincangkan isu-isu yang relevan dengan bidang akademik dan berharap dengan adanya webinar ini akan menjadi warga akademik lebih peka kepada isu-isu semasa semua warga akademik. Program ini juga sebagai satu landasan bagi melaksanakan diskusi bagi kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia untuk topik yang mana dialami oleh kedua-dua negara. Selain daripada objektif program untuk lebih kepada perbincangan terbuka tetapi dalam masa sama dapat membantu warga akademik menambah lagi input-input yang terkini.

Topik yang bersesuaian di mana scenario ini bukan sahaja dibincangkan di Malaysia malahan ia juga menjadi topik perbincangan di Malaysia. Apabila graduan telah tamat pengajian dan graduan masih gagal untuk memperolehi pekerjaan secara automatik semua pihak menuding tangan kepada Universiti. Universiti dipersalahkan. Adalah tidak adil untuk meletakan sepenuhnya kesalahan kepada Universiti, apabila graduan tidak memperolehi perkerjaan. Para ibubapa tidak boleh menuding jari kepada pihak Universiti semata jika peluang pekerjaan adalah terhad. Industri juga perlulah juga bertanggungjawab kerana tidak menyediakan keperluan pekerjaan yang mencukupi.

Situasi di Indonesia juga adalah sama dengan Malaysia. Di mana tidak wajar untuk menyalahi antara satu sama lain kerana setiap pihak perlulah bertanggungjawab atas fungsi masing-masing. Di mana peranan Universiti kekal sebagai gedung ilmu, di mana ia adalah tempat bagi melahirkan graduan yang bermutu dan berkualiti untuk ditawarkan ke pasaran industri. Universiti dan Industri perlulah sentiasa berkomunikasi. Universiti sentiasa berusaha dalam penghasilan graduan yang memenuhi kriteria yang diinginkan.

Hubungan kerjasama antara Universiti dan Industri perlu dalam memastikan graduan yang dihasilkan tidaklah dikategorikan sebagai graduan lapuk. Oleh itu Universiti perlulah membuat revolusi dalam Pendidikan, agar dapat melahirkan graduan yang berilmu dan bersedia ke lapangan pekerjaan. Graduan perlu dilengkapi dengan ilmu mengikut bidang yang diceburi tetapi dipadankan dengan skil komunikasi / kemahiran sosial yang mana penghasilan graduan secara holistik. Selain daripada itu kena hasilkan graduan yang mempunyai ilmu keusahawanan agar graduan tidak hanya bergantung kepada makan gaji tetapi berani untuk menjadi usahawan. Minda graduan perlulah diubah supaya tidak bergantung kepada peluang pekerjaan tetapi menciptakan pekerjaan mereka sendiri.

Graduan di Indonesia juga menghadapi situasi yang sama dengan kadar pengangguran adalah tinggi dan peluang pekerjaan terhad. Bagi mengatasi situasi ini perubahan kurikulum dibuat. Revolusi kurikulum ini ia membenarkan pelajar memilih subjek di dalam pelan pengajian. Setiap bidang diadakan praktikal yang mana ini adalah salah satu cara pelajar mendapatkan ilmu dan pengalaman kerja di dalam industri. Tujuan dilakukan oleh pihak universiti Indonesia adalah bertujuan untuk memastikan graduan telah bersedia untuk bersaing di dalam industri pekerjaan. Ini dipetik dari ulasan dari Prof Haris yang menjadi wakil panel dari Universitas Hasyim Asyari.

Kesimpulan yang boleh dibuat hasil daripada webinar itu antara Malaysia dan Indonesia, di mana konklusinya bahawa Universiti biarlah kekal sebagai gedung ilmu dalam dan bukannya kilang bagi penghasilan pekerja yang bernama graduan. Di harap Universiti tidak ghairah untuk seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 sebagai contoh sehingga universiti mengikut telunjuk pihak industri dalam membuat perubahan kepada

kurikulum tanpa penilaian yang komprehensif. Oleh kerana itu setiap pihak perlulah berganding bahu bagi memastikan objektif setiap pihak tercapai tanpa memberi tekanan kepada pihak-pihak tertentu. Universiti terus menjadi penyedia ilmu dan industri perlulah memastikan menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi pada semua graduan. Jika kedua-dua pihak bekerjasama maka akan tiada pertelingkahan fungsi masing-masing. Universiti dapat melahirkan graduan yang kompetitif dan berdaya untuk memenuhi keperluan industri. Ini dapat mengurangkan kadar pengangguran bagi kedua-dua negara.